Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 7(1): 31 - 41 (1999)
ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Bentuk Perlakuan dan Proses Pramenulis Karangan Pelajar Tingkatan Empat

MAROHAINI YUSOFF
Jabatan Pendidikan Bahasa
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Kata Kunci: perlakuan mengarang, proses mengarang, pengajaran kemahiran menulis, pramenulis Karangan, dan pramenulis

ABSTRAK

Penyelidikan dalam bidang penulisan karangan telah memperlihatkan perubahan dari segi fokusnya, iaitu daripada penyelidikan yang berpusatkan hasil karangan kepada yang berpusatkan proses menulis karangan. Makalah ini membentangkan satu kajian tentang proses mengarang yang dilalui oleh pelajar pada peringkat pramenulis semasa menghadapi tugasan penulisan karangan di kelas. Secara khususnya, kajian ini meneliti bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan yang ditunjukkan oleh pelajar tingkatan empat semasa menulis dalam konteks kelas yang sebenar. Pengutipan dan pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen di sebuah sekolah selama satu tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan para pelajar dipengaruhi oleh konteks pengajaran dan pembelajaran serta guru yang mengajar. Susulan kepada penemuan tersebut, beberapa cadangan tentang bentuk kegiatan pengajaran dan pembelajaran pramenulis karangan dibincangkan.

ABSTRACT

Research in writing has shifted from product-oriented to process-oriented. This article reports a study on secondary school student-writers prewriting processes when they write in the classroom. Specifically, this study looked into the prewriting behaviour and processes displayed while writing in the classroom. Data was gathered through classroom observation, interviews and document analysis. The study spanned over a period a one-year period. The results of the study showed that the students' prewriting behaviour and processes were influenced by the teaching and learning contexts as well as the teacher. Based on the findings, suggestions on prewriting activities are discussed.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengenalan

Kajian menulis karangan merupakan salah satu kemahiran asas bahasa yang diperlukan oleh pelajar pada setiap peringkat pengajian. Umpamanya, pada peringkat pengajian di sekolah, banyak kegiatan pembelajaran yang menghendaki pelajar menulis, iaitu menulis tugasan mengarang, menulis untuk melapor, menulis untuk membuat latihan, dan juga menulis untuk menjawab soalan ujian dan peperiksaan. Malahan boleh dikatakan bahawa kemahiran menulis ini bukan sahaja diperlukan semasa pengajian tetapi juga apabila bekerja. Dalam situasi pekerjaan sehari-harian, kemahiran menulis diperlukan dalam surat-menyurat, menulis minit mesyuarat, teks ucapan, pengumuman laporan projek atau laporan tahunan syarikat. Kesimpulannya, kemahiran menulis boleh dianggap sebagai salah satu sumber penting bagi pemerolehan pengetahuan, pengukuran terhadap pencapaian, dan pelaksanaan tugas profesional.

Namun begitu, Laporan Prestasi Peperiksaan (LPP) Sijil Peperiksaan Malaysia / Malaysian Certificate of Education [SPM / MCE] (1985,

1988, 1990, 1992) melaporkan bahawa masih ramai pelajar yang lemah dari segi bahasa, struktur ayat, ejaan, panjang pendek karangan, penggunaan perkataan, dan tanda bacaan. LPPSPM (1985, 1988, 1992) bagi mata pelajaran bahasa Melayu menunjukkan bahawa pelajar lemah untuk mendapatkan isi yang sesuai, menyusun isi, merancang, dan menyampaikan idea dengan jelas. Pelajar juga menghadapi masalah untuk mengembangkan idea dalam penulisan karangan mereka. Kelemahan ini mungkin berkait dengan kelemahan pelajar yang kurang memahami kehendak tajuk karangan yang mengakibatkan pengolahan isi yang tidak seimbang dan mendalam (LPPSPM, 1988). Keseluruhannya, kelemahan pelajar menulis karangan sebagaimana yang dilaporkan mungkin boleh dikaitkan dengan pengetahuan dan latihan yang tidak mencukupi tentang kerangka konsep yang dapat memberi fokus, hala tuju, dan kesatuan kepada penulisan mereka dari segi perancangan dan penyampaian isi.

Melihat pada keperluan kemahiran menulis karangan dalam kehidupan sehari-harian dan kelemahan yang ditunjukkan oleh pelajar pada peringkat sekolah, adalah wajar aspek pengajaran kemahiran tersebut diberi penekanan yang secukupnya dan bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang berkemampuan menyampaikan pemikiran mereka dengan berkesan. Perlu ditegaskan di sini bahawa keberkesanan pengajaran kemahiran menulis karangan terletak pada kesesuaian perancangan pengajaran dengan keperluan pelajar untuk menulis karangan di dalam kelas. Justeru, bagi membolehkan perancangan yang sedemikian, pengetahuan dan pemahaman tentang bentuk perlakuan dan proses mengarang atau proses menulis karangan yang dilalui oleh pelajar diperlukan (Hairston, 1982; Carroll, 1984). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Zamel (1983):

> . . . by studying what it is our students do in their writing, we can learn methods based on students real need rather than hypothetical predictions about their writing behavior. (hlm. 182)

Dalam penulisan makalah ini, satu gambaran tentang bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan yang dilalui semasa mereka menulis karangan di dalam kelas akan dipaparkan. Untuk pengetahuan para pembaca, dapatan kajian tentang pramenulis karangan ini merupakan sebahagian dapatan daripada kajian kes yang melihat keseluruhan perlakuan dan proses mengarang pelajar Melayu dalam bilik darjah Tingkatan Empat (Marohaini Yusoff, 1996). Susulan kepada bentuk dan proses pramenulis karangan tersebut, makalah ini juga akan membincangkan beberapa cadangan tentang perancangan pengajaran kemahiran menulis karangan, khususnya pengajaran pramenulis karangan.

KAJIAN YANG BERKAITAN

Memandangkan tidak banyak kajian tentang proses menulis karangan dalam bahasa Melayu didapati, rangka konsep kajian ini didasarkan kepada dapatan kajian proses menulis karangan dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan kedua. Sejak kajian klasik Emig (1971) dijalankan, peralihan tumpuan penyelidikan telah berlaku. Banyak kajian (Mischell, 1974; Stallard, 1974; Perl, 1979; Pianko, 1979; Birnbaum, 1982; Flower & Hayes, 1980; Chandrasegaran, 1991) yang dijalankan menunjukkan peralihan tumpuan kajian, iaitu daripada memberi fokus kepada hasil mengarang kepada proses menulis karangan. Dalam kajian tersebut, penyelidik menghuraikan bentuk dan proses menulis karangan yang ditunjukkan oleh penulis dalam usaha mereka mengarang. Berikutan dengan pertumbuhan kajian tentang proses menulis karangan, bentuk proses mengarang atau proses menulis karangan dapat dilihat daripada tiga perspektif, iaitu linear, kognitif, dan sosial.

Sebelum tahun 1971, proses menulis karangan disifatkan sebagai sebuah proses yang linear atau lurus. Rohman dan Wlecke (1964) telah mengutarakan model linear yang mempunyai tiga peringkat utama, iaitu sebelum menulis, menulis, dan menulis semula. Daripada perspektif linear ini, penulis dikatakan memikirkan isi teks yang akan dikarang, menuliskan patah-patah perkataan di atas kertas, dan akhirnya membaiki dan memperindahkan serta mengedit penulisan mereka. Proses menulis karangan yang berlaku dalam model linear adalah berbentuk lurus dan berurutan, iaitu pergerakan dari satu langkah ke satu langkah. Berikutan dengan kajian Emig (1971), model linear tersebut disangkal. Kajian Emig (1971), Mischell (1974), Stallard (1974), Birnbaum (1982), dan Flower dan Hayes (1980, 1981)

melihat proses menulis karangan daripada perspektif kognitif, iaitu apa yang berlaku dalam pemikiran penulis semasa menulis karangan. Kajian tersebut menekankan bahawa proses menulis karangan tidak berlaku secara linear tetapi secara rekursif. Proses menulis karangan disifatkan sebagai satu proses yang meliputi beberapa operasi proses dan subproses yang berlaku secara berulangan dan bertindanan antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, pandangan kognitivist ini kemudiannya dikritik oleh Bizzell (1982) yang mempelopori perspektif sosial. Bizzell (1982) dan pelopor lain seperti Faigley (1986), Rafoth (1988), Cooper dan Holzman (1989), Brandt (1992), dan Trimbur (1994) mempersoalkan nilai teoritikal dan pedagogi penyelidikan tentang bidang penulisan dan pengajaran yang bersandarkan perspektif kognitif semata-mata. Bizzell (1982) umpamanya, mengkritik model proses mengarang Flower dan Hayes (1981) yang dikatakan hanya menghuraikan aspek *bagaimana* tentang proses mengarang dan tidak menyentuh aspek *mengapa* proses mengarang itu berlaku. Dengan perkataan lain, model Flower dan Hayes (1981) tidak mempertimbangkan peranan konteks dalam penulisan karangan. Perspektif sosial melihat proses menulis karangan sebagai suatu perlakuan individu daripada sebuah komuniti dan tidak sebagai suatu proses individu semata-mata. Hal ini adalah kerana seseorang penulis merupakan sebahagian daripada sesebuah budaya yang didokongi oleh sesebuah masyarakat. Justeru, dalam proses menulis karangan seseorang penulis, cara beliau menggunakan bahasa, iaitu memilih perkataan, membina ayat, dan gaya penyampaiannya dipengaruhi oleh budaya sesebuah komuniti yang menggunakannya – tujuan yang dibawa oleh bahasa yang digunakan dan situasi serta makna yang dapat dibayangkan. Daripada sudut perspektif sosial, penghasilan penulisan karangan seseorang penulis melibatkan interaksi penulis dengan pembaca atau penerima yang telahpun mempunyai takrifan tujuan tertentu.

Kesimpulannya, dalam perbincangan tentang proses menulis karangan terdapat tiga teori yang bersaingan yang dilihat daripada perspektif linear, kognitif, dan sosial. Berbeza daripada perspektif linear (Rohman & Wlecke; 1964), proses menulis karangan dianggap sebagai suatu proses yang dinamik yang bergerak secara rekursif, dan tidak lurus dan statik. Pelopor sosial seperti Bizzell (1982), Rafoth (1988), dan Trimbur (1994) pula, melihat proses menulis karangan sebagai suatu perlakuan sosial yang dijalankan oleh seseorang individu dalam sesebuah komuniti. Ketiga-tiga perspektif tentang proses menulis karangan walaupun berbeza dapat memberi satu huraian yang lebih jelas. Berlandaskan tiga perspektif ini, huraian tentang bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan akan dihurai dan dibincangkan.

PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian kes ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat daripada perspektif pelajar dengan mengekalkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang sebenar. Berdasarkan rasional ini juga, sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya, dan empat orang pelajar dari Tingkatan Empat telah dipilih sebagai tempat dan peserta kajian utama. Di samping itu, dua orang guru bahasa Melayu yang mengajar empat buah kelas Tingkatan Empat dan juga pelajar lain yang merupakan pelajar dalam kelas Tingkatan Empat tersebut, turut dilibatkan sebagai peserta kajian sampingan. Memandangkan kajian kualitatif seperti ini lazimnya, mementingkan makna tentang sesebuah fenomena daripada perspektif peserta kajian dan bukan pada bilangan atau kekerapan sesebuah fenomena itu berlaku, empat orang peserta kajian adalah mencukupi bagi tujuan pengutipan dan penganalisisan data. Keempat-empat peserta kajian tersebut merupakan pelajar dari empat kelas Tingkatan Empat yang berlainan dan diajar oleh dua orang guru. Pemilihan peserta kajian didasarkan pada pencapaian mereka dalam peperiksaan Sijil Rendah Peperiksaan (SRP), kebolehan bahasa dan mengarang, dan kesanggupan mereka untuk melibatkan diri dalam kajian.

Bagi tujuan mengutip, mengumpul, dan menganalisis data, pengkaji telah berada di sekolah tersebut selama kira-kira setahun, iaitu meliputi dua semester persekolahan. Melalui pendekatan kualitatif ini, penyelidik membuat pemerhatian, temu bual, dan menganalisis dokumen untuk mendapatkan data tentang perlakuan dan proses pramenulis karangan yang berlaku semasa peserta kajian menulis karangan di dalam kelas. Pemerhatian kelas dijalankan semasa pelajaran kemahiran menulis karangan

dijalankan. Menyusuli pemerhatian kelas tersebut, penyelidik menemu bual peserta kajian tentang perlakuan mengarang yang ditunjukkan semasa pemerhatian. Untuk memantapkan pemahaman penyelidik tentang perlakuan pra menulis karangan yang ditunjukkan, temu bual juga dilakukan dengan guru yang terlibat dan rakan sekelas. Seterusnya, dokumen seperti draf karangan, karangan siap, dan rangka isi dianalisis untuk memperkukuhkan pemahaman penyelidik tentang perlakuan dan proses pramenulis karangan peserta kajian.

Dengan menggunakan teknik penganalisisan data yang dicadangkan oleh Mile dan Huberman (1984), iaitu teknik membuat catatan refleksif, membuat catatan memo, membuat saringan data, membentuk kesimpulan, dan membuat verifikasi, penganalisisan data dijalankan pada dua peringkat. Kedua-dua peringkat tersebut adalah penganalisisan semasa mengutip data dan penganalisisan selepas mengutip data.

Dalam penyelidikan kualitatif, tempoh penyelidikan yang lama yang memerlukan pengkaji berada di tempat kajian (*prolonged engagement*), triangulasi yang wujud di antara teknik dan dalam teknik (Van Maanen, 1983) yang digunakan, teknik memeriksa kesan penyelidik serta bertaklimat dengan rakan sejawat (Bogdan & Biklen, 1999; Miles & Huberman, 1984), dapat memberi kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data yang diperoleh. Dalam kajian ini, keempat-empat perkara tersebut didapati. Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji berada di sekolah kira-kira setahun untuk tujuan mengenali dan memilih tempat dan peserta kajian, dan juga mengutip dan mengumpul data. Selain itu, penggunaan tiga teknik pengutipan data, membolehkan pengkaji membeza-bandingkan dan memperkukuhkan perolehan data daripada teknik pemerhatian dengan teknik temu bual dan seterusnya dengan merujuk bukti dokumen yang berkait. Di samping itu, pengukuhan dan pengesahan data juga didapati daripada data yang dikumpulkan melalui sesebuah teknik pengutipan data seperti teknik temu bual atau pemerhatian. Sesuatu data yang diperoleh daripada pemerhatian pertama dapat dibeza-bandingkan dan diperkukuhkan dengan data daripada pemerhatian kedua dan seterusnya. Sebagai langkah pengesahan yang selanjutnya, pengkaji juga sering bertaklimat dengan rakan setempat kerja yang mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan yang sama.

Oleh sebab tujuan kajian adalah untuk mengkaji bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan dalam konteks kelas yang sebenar, bentuk dan tajuk karangan ditentukan oleh guru yang mengajar. Dengan itu, bahan kajian meliputi kesemua jenis karangan yang diajarkan kepada empat buah kelas Tingkatan Empat tersebut bagi tempoh satu tahun sesi persekolahan. Keseluruhannya, jenis karangan yang diberi oleh guru meliputi karangan naratif, deskriptif, ceramah, laporan, wawancara, surat kiriman, syarahan, pidato dan perbincangan yang berjumlah 39 tajuk.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bagi tujuan pelaksanaan kajian ini, peringkat pramenulis karangan ditafsirkan sebagai peringkat antara tajuk karangan diperkenalkan hingga penulisan karangan sebenar dimulakan, iaitu dengan bermulanya penulisan perkataan, frasa, atau ayat pertama tentang sesebuah tajuk karangan yang diberikan oleh seseorang guru (Marohaini Yusoff, 1996). Kajian ini mendapati tiga bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan. Dua bentuk pramenulis karangan didapati pada semester 1 dan satu lagi bentuk pramenulis karangan didapati pada semester 2. Pada semester 1, bentuk pramenulis karangan pada peringkat awal dan pramenulis karangan lanjutan ditunjukkan oleh peserta kajian.

Dalam bentuk pramenulis karangan pada peringkat awal, peserta kajian menunjukkan perlakuan mendengar penerangan guru, berbincang dalam kumpulan, dan membentangkan dan berbincang secara keseluruhan kelas (sila lihat Rajah 1).

Pada keseluruhannya, kegiatan pramenulis karangan adalah untuk membuat perancangan mendapatkan isi. Perlakuan pramenulis karangan tersebut berlaku dalam urutan, iaitu langkah demi langkah mengikut penerangan dan arahan guru. Dalam kegiatan pramenulis karangan pada peringkat awal, peserta kajian tidak menunjukkan penglibatan kognitif yang banyak kecuali semasa perbincangan dalam kumpulan. Hal ini ditunjukkan dengan jelas melalui perlakuan mendengar penerangan guru dan perlakuan membentangkan dan berbincang secara keseluruhan kelas. Dalam kegiatan tersebut, pelajar hanya memperlihatkan perlakuan menerima apa yang diterangkan oleh guru. Sebaliknya, guru memainkan peranan utama dalam membuat keputusan yang berhubung



Rajah 1: Perlakuan dan proses pramenulis karangan awal

dengan penghasilan isi, iaitu mendapatkan isi, memilih, dan menyusun isi. Penglibatan guru yang tinggi didapati kerana mengikut guru yang mengajar, pada semester 1 para pelajar perlu diberi bimbingan untuk menulis karangan.

Selain penghasilan isi, bimbingan juga diberi dalam bentuk penerangan tentang kehendak tajuk karangan dan format atau bentuk karangan yang akan dikarang oleh peserta kajian. Penerangan guru tersebut menyentuh tentang isi yang diperlukan berdasarkan kata kunci yang terdapat dalam pernyataan tajuk karangan yang diberikan. Penerangan tentang bentuk karangan pula, diberi secara ringkas seolah-olah peserta kajian telahpun diberitahu sebelum pelajaran menulis karangan ini. Contohnya, penerangan guru tentang bentuk karangan imaginasi dan syarahan adalah seperti yang berikut:

Bentuk Karangan Imaginasi

> Bolehlah tulis apa saja, mesti ada logik. Inilah perkara (merujuk kepada catatan isi karangan di papan hitam) yang boleh kamu isikan. Masukkan diri anda dalam imaginasi. Guna aku atau saya.
>
> Kita tengok bagaimana hendak menulis. Seperti biasa karangan terbahagi kepada pengenalan, isi, dan penutup. Isi telahpun diberi. Beri gambaran yang teliti tentang apa yang dilihat, rasa, dan dengar.

Bentuk karangan syarahan

> ...hujah-hujah mestilah kuat, konkrit, dan berasas yang boleh diterima. Jangan kita cuba bangkang dengan tajuk ini. Lebih baik kita setuju.
>
> Saya lupa memberitahu bahawa satu isi dengan satu perenggan dan sebut para hadirin sekalian.

Semasa penerangan ini, peserta kajian tidak membuat catatan. Kebanyakan peserta kajian duduk di tempat mereka dan memandang guru di hadapan seolah-olah mendengar penerangan yang diberi oleh guru. Hal ini berbeza semasa mereka berbincang secara kumpulan. Semasa perbincangan kumpulan, peserta kajian menunjukkan penglibatan dalam membuat keputusan berhubung dengan penghasilan dan pemilihan isi. Proses tersebut ditunjukkan melalui perlakuan pramenulis karangan, iaitu mencatatkan isi dan membaca tajuk karangan. Proses perancangan untuk mendapat dan memilih isi tersebut berlaku secara bertindanan dan berulangan antara perlakuan mencatat isi karangan dengan membaca tajuk karangan. Namun begitu, dalam proses perancangan tersebut, rujukan utama peserta kajian ialah tajuk karangan dan penerangan guru. Rujukan kepada tajuk karangan juga dijalankan semasa perbincangan secara keseluruhan kelas untuk menyenaraikan, memilih, dan menyusun isi karangan. Penilaian dan perancangan isi karangan tersebut dibuat berdasarkan kesesuaian isi dengan maklumat dalam tajuk karangan. Ini menunjukkan bahawa perancangan tentang kehendak tajuk karangan tidak melampaui apa yang diberi oleh tajuk karangan. Justeru, pertimbangan terhadap aspek tujuan penulisan dan jenis pembaca tidak dilakukan. Perlakuan ini, lazimnya ditemui dalam perlakuan mengarang penulis kurang mahir seperti yang didapati dalam kajian Flower dan Hayes (1988).

Pada semester 1, peserta kajian juga didapati menjalankan kegiatan pramenulis karangan lanjutan. Pramenulis karangan lanjutan ini merujuk kepada kegiatan pelajar mem-

bincangkan isi dan penyampaian isi bagi bahagian pengenalan karangan setelah perbincangan isi bagi bahagian isi karangan dibincangkan dalam kegiatan pramenulis karangan awal. Hal ini beralaku berikutan dengan keperluan peserta kajian membuat perancangan untuk mendapatkan isi karangan bagi memulakan penulisan bahagian pengenalan karangan. Bagi kebanyakan peserta kajian, penerangan yang diberi oleh guru terutamanya, dari segi isi yang diperlukan dan format bentuk karangan tidak mencukupi untuk mereka memulakan penulisan karangan. Dengan itu, sebaik sahaja mereka diarah oleh guru supaya mula menulis karangan, mereka tidak menulis karangan tetapi sebaliknya membuat perancangan untuk mendapatkan isi bagi memulakan penulisan karangan bagi bahagian pengenalan karangan.

Dalam bentuk pramenulis karangan lanjutan, peserta kajian menunjukkan perlakuan dan proses pramenulis karangan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Berbeza daripada kegiatan pramenulis karangan pada peringkat awal, kegiatan pramenulis karangan lanjutan dijalankan oleh peserta kajian secara individu atau bersama rakan sekelas tanpa mendapat bimbingan daripada guru. Bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan peserta kajian memperlihatkan proses yang berulangan dan bertindanan antara perlakuan membaca tajuk karangan secara berulang-ulang, bercakap dengan kawan, merangka isi, dan merujuk buku sebaik sahaja mereka menyalin tajuk karangan yang diberi oleh guru. Dalam kegiatan pramenulis karangan lanjutan, peserta kajian memperlihatkan penglibatan yang aktif dari segi membuat keputusan berkait dengan mencari-mendapatkan isi dan cara menyampaikan isi pengenalan tersebut.



Rajah 2: Perlakuan pramenulis karangan lanjutan

Bentuk ketiga pramenulis karangan ialah bentuk pramenulis karangan yang dijalankan pada semester 2. Keseluruhannya, terdapat tiga perlakuan pramenulis karangan, iaitu mendengar penerangan guru, menyalin tajuk karangan, dan merangka isi (sila rujuk Rajah 3).



Rajah 3: Perlakuan dan Proses Pramenulis Karangan Semester 2

Berbeza daripada bentuk pramenulis karangan awal pada semester 1, bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan yang ditunjukkan adalah bertindanan dan berulangan antara satu perlakuan dan proses dengan satu perlakuan dan proses yang lain. Hal ini diperlihatkan melalui penglibatan pelajar yang tinggi berbandingkan penglibatan guru. Ini adalah kerana rasional pengajaran kemahiran menulis karangan pada semester 2 adalah untuk memberi latihan. Dengan itu, penerangan yang diberi oleh guru adalah ringkas dan keseluruhannya menyentuh tentang peringatan berhubung dengan tempoh menulis karangan, dan jumlah perkataan sesebuah karangan yang ditugaskan. Berbeza daripada kegiatan pra menulis karangan pada semester 1, pada semester 2, para pelajar diarahkan supaya menulis dan menyiapkan tugasan mengarang yang diberikan di dalam kelas. Penulisan karangan ini perlu dijalankan oleh peserta kajian secara individu dan mereka dilarang untuk berkongsi atau berbincang dengan rakan sekelas. Hal ini ditegaskan oleh guru sebelum pelajar memulakan penulisan karangan mereka seperti yang berikut:

> Sekarang saya ingin kamu menulis sebuah karangan secara individu. Maknanya kamu tidak perlu berkongsi meja. Mulakan sekarang. Jangan bercakap.

Justeru, dalam bentuk pramenulis karangan pada Semester 2, peserta kajian membuat keputusan untuk mendapatkan isi, memilih, dan menyusun isi. Walau bagaimanapun, sama dengan apa yang berlaku dalam perancangan isi karangan pada Semester 1, rujukan utama peserta kajian untuk mendapatkan isi, memilih dan menyusun isi ialah tajuk karangan semata-mata.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa keseluruhan perancangan pramenulis karangan kurang dilakukan pada Semester 2 terutamanya, di kalangan peserta kajian yang lemah bahasa dan kebolehan mengarang. Kedua-dua peserta kajian yang lemah bahasa dan kebolehan mengarang, memperlihatkan perlakuan terus menulis dan apabila menghadapi masalah untuk meneruskan penulisan, mereka akan membuat hentian dan mula membuat rangka isi. Hal ini jelas dalam penulisan tajuk karangan yang berbentuk syarahan dan perbincangan. Contohnya dalam penulisan syarahan yang bertajuk, "Kaum wanita patut tinggal di rumah daripada bekerja." Sama seperti peserta kajian yang lemah kebolehan mengarang dan bahasa, kedua-dua peserta kajian yang tinggi kebolehan mengarang dan bahasa juga menggunakan strategi yang sama. Bagi tajuk karangan yang mereka tidak mempunyai banyak isi dan bentuk karangan tidak diketahui, mereka akan membuat perancangan pramenulis karangan terlebih dahulu. Sekiranya tajuk karangan itu diketahui isinya, mereka akan terus menulis karangan tanpa membuat rangka isi. Perkara ini dinyatakan oleh dua orang peserta kajian yang berikut:

> ". . . wawancara ni rasa tak payah tulis rangka. Sebab, ini dialog kan? Dialog kita boleh tambah aje apa kita nak . . . kita tanya, kita jawab, boleh reka soalan."

> "Tengok keadaanlah. Jika tajuk susah, tak faham, saya tidak dapat tulis secara terus, saya tulis rangka dulu. . . . . Jika tajuk senang, saya tulis terus."

Berdasarkan ketiga-tiga bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan tersebut, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Pertamanya, bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan peserta kajian merupakan gabungan dua proses, iaitu proses linear (Rohman & Wlecke, 1964) dan proses rekursif (Emig, 1971; Mischel, 1974; Stallard, 1974; Birnbaum, 1982; Pianko, 1979; Perl, 1979; Flower & Hayes, 1981). Berdasarkan bentuk pengajaran guru dan konteks penulisan karangan di dalam kelas, peserta kajian menyesuaikan proses mengarang mereka dengan keperluan mengikut arahan dan penerangan guru. Dalam situasi kegiatan pramenulis karangan terbimbing (seperti yang berlaku semasa pramenulis karangan pada peringkat awal), perlakuan dan proses pramenulis karangan peserta kajian berlaku dalam bentuk linear, iaitu langkah demi langkah mengikut arahan dan penerangan guru dan juga kurang melibatkan pelajar dari segi kognitifnya. Dalam situasi kegiatan pramenulis karangan tanpa bimbingan guru (seperti yang didapati semasa kegiatan perbincangan dalam kumpulan, pramenulis karangan lanjutan, dan pramenulis karangan pada semester 2), perlakuan dan proses mengarang berlaku dalam bentuk yang berulangan dan bertindanan, serta memperlihatkan penglibatan pelajar dari segi kognitif. Hal ini, pastinya akan memberi pelajar lebih tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka, dan akan dapat menghasilkan pembelajaran aktif yang diperlukan dalam pembelajaran kemahiran menulis karangan.

Keduanya, ketiga-tiga proses pramenulis karangan tersebut, (iaitu pramenulis karangan peringkat awal, pramenulis karangan lanjutan, dan pramenulis karangan pada semester 2) berlaku dalam lingkungan satu situasi kelas, iaitu kelas tingkatan empat. Daripada bentuk pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang tersebut dapat dikatakan bahawa perlakuan dan proses pramenulis karangan lahir bukan daripada peserta kajian sebagai individu tetapi sebagai individu daripada satu komuniti sekolah sebagaimana yang disarankan oleh Bizzell (1982) dan pelopor perspektif sosial yang lain.

Dalam konteks kajian ini, sekolah boleh disamakan dengan sebuah masyarakat kecil memandangkan sekolah merupakan sebuah komuniti dalam masyarakat. Berdasarkan penekanan pengajaran guru yang disalurkan melalui penerangan dan arahan, dapat dikatakan bahawa budaya pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang dipancangkan ke dalam penghasilan sebuah karangan. Kajian mendapati bahawa budaya penulisan karangan di dalam kelas lebih merupakan penulisan karangan untuk memenuhi kriteria penulisan karangan dalam peperiksaan. Di sini dapat dikatakan bahawa peserta kajian tidak menulis karangan untuk "...

a mythical audience in isolation; rather the wrtier (peserta kajian) belongs to and writes for a community" (Ackerman, 1990 dalam Hillyard, 1992). Dalam konteks kajian ini, peserta kajian menulis untuk guru dan juga untuk memenuhi keperluan latihan menulis karangan yang diperlukan untuk menulis karangan di dalam peperiksaan. Senario penulisan karangan seperti ini tidak unik kepada peserta kajian dalam kajian ini sahaja. Malahan, kajian Britton et al. (1975) dan Applebee (1984) mendapati perkara yang sama berlaku. Britton et al. (1975) melaporkan bahawa 90 peratus penulisan karangan pelajar sekolah menengah di Britain ditujukan kepada guru, dan hampir 50 peratus daripada keseluruhan penulisan karangan ditujukan kepada guru sebagai penilai.

Keadaan ini dapat dilihat pada situasi penulisan karangan yang mirip kepada penulisan dalam peperiksaan dan juga penumpuan yang diberi oleh guru dalam pengajaran, dan penumpuan yang diberi oleh peserta kajian dalam perancangan pramenulis karangan di dalam kelas. Dalam pelajaran kemahiran menulis karangan di dalam kelas, peserta kajian diarah menulis karangan yang panjangnya 350 patah perkataan dan tajuk karangannya ditentukan oleh guru. Pada semester 2, peserta kajian diminta supaya menulis dan menyiapkan penulisan karangan dalam tempoh yang diberi oleh guru. Semasa menulis karangan, mereka tidak digalakkan berkongsi pendapat atau berbincang tentang penulisan mereka.

Selain itu, pengajaran guru lebih memberi tumpuan kepada aspek isi atau *apa* yang dapat dituliskan daripada *bagaimana* isi boleh dituliskan untuk menghasilkan sebuah karangan. Penerangan dan perbincangan yang dijalankan berkisar pada bilangan isi yang perlu dimuatkan dan tidak kepada bagaimana mendapatkan isi karangan. Bentuk pengajaran ini menunjukkan bahawa arah tujuan pengajaran guru adalah untuk menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan. Pengajaran guru yang membekalkan pelajar dengan input isi seperti ini adalah mencukupi untuk mereka menjawab soalan peperiksaan tetapi tidak mencukupi untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran menulis karangan bagi memenuhi fungsi komunikasi dalam penulisan. Kekurangan input prosedural dalam pengajaran kemahiran mengarang seperti ini, kurang mampu untuk melahirkan penulis yang mahir dalam penulisan karangan.

Lagipun, bentuk pengajaran yang sedemikian adalah tidak selaras dengan tujuan utama pengajaran kemahiran mengarang sebagaimana yang ditegaskan oleh David et al. (1995). Beliau menegaskan bahawa ". . . at the heart of teaching a writing course is not the transmission of content but the process of intervening in students" efforts to produce meaningî (hlm. 528). Oleh itu, dalam perancangan pengajaran kemahiran mengarang, penekanan terhadap aspek strategi yang dapat digunakan oleh pelajar dalam penulisan perlu diberikan. Hal ini adalah kerana berbeza daripada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bukan bahasa seperti Sejarah dan Geografi, aspek isi merupakan perkara kedua. Yang utama dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang adalah bagaimana isi boleh didapati, dipilih dan disusun untuk dikarang dalam bentuk sebuah karangan yang dapat memenuhi keperluan peperiksaan dan juga fungsi berkomunikasi dalam penulisan.

Oleh itu, bentuk pengajaran dan konteks penulisan karangan di dalam kelas menjadikan kegiatan pramenulis karangan sebagai suatu kegiatan yang tidak boleh lari daripada memenuhi keperluan sosial yang disertai dengan nilai, hasrat, dan harapan masyarakat, iaitu keperluan belajar menulis karangan untuk mengikut arahan guru dan mendapat markah yang baik dalam ujian dan peperiksaan. Dalam proses mencapai nilai, hasrat, dan harapan tersebut, gabungan dua proses mengarang, iaitu proses linear dan proses rekursif ditunjukkan oleh peserta kajian bagi tujuan menyesuaikan keperluan mereka untuk menyiapkan tugasan mengarang dan keperluan guru menyediakan pelajar untuk peperiksaan. Dalam proses itu juga, bentuk pengajaran guru telah menyimpang daripada tujuan utama pengajaran kemahiran menulis karangan.

Bagaimanakah pengetahuan tentang bentuk perlakuan dan proses pramenulis karangan ini dapat membantu guru dalam perancangan kegiatan pramenulis karangan di dalam kelas? Yang berikutnya adalah beberapa cadangan yang dapat difikirkan bagi membantu perancangan pengajaran dan pembelajaran pramenulis karangan di dalam kelas.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, bentuk proses perlakuan pramenulis karangan merupakan

gabungan linear dan rekursif. Ini bermakna dalam pengajaran kemahiran mengarang, penggunaan pendekatan proses atau bukan proses tidak menjadi persoalan. Apa yang perlu dipersoalkan adalah kesesuaian perancangan pengajaran dengan keperluan pelajar mempelajari kemahiran menulis karangan di dalam kelas. Dalam konteks kajian ini, pengajaran guru secara langsung dan eksplisit pada peringkat pramenulis karangan diperlukan untuk memberi pengetahuan dan latihan bagi membantu pelajar membuat perancangan untuk persediaan menulis karangan di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk pengajaran guru tidak mencukupi untuk memberi kesediaan kepada pelajar menulis karangan yang ditugaskan di dalam kelas. Dengan yang demikian, pengajaran kemahiran menulis karangan hendaklah memberi perhatian kepada keperluan pelajar mempelajari kemahiran atau strategi yang dapat digunakan dalam penulisan karangan di dalam kelas. Yang berikutnya adalah beberapa cadangan tentang kegiatan pramenulis karangan yang akan dikemukakan dalam beberapa tajuk.

Analisis Tajuk Kajian

Selaras dengan dapatan kajian ini, kegiatan menganalisis tajuk karangan (Chandrasegaran, 1991) perlu diutamakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang. Dalam konteks kajian ini, kegiatan analisis tajuk karangan boleh dijadikan sebagai kegiatan pertama dalam kegiatan pramenulis karangan. Umpamanya, perbincangan tentang kehendak tajuk karangan hendaklah melampaui apa yang terkandung dalam tajuk karangan. Perbincangan tentang kehendak tajuk karangan hendaklah meliputi bukan sahaja kata kunci yang didapati dalam tajuk karangan tetapi juga meliputi aspek retorik penulisan, iaitu mengenal pasti dan membentuk tujuan dan jenis pembaca yang dituju. Pembentukan situasi retorik ini akan dapat membolehkan pelajar mempunyai kerangka konsep tentang penulisan karangan yang bukan sahaja dapat memberi fokus dan hala tuju dalam perancangan isi tetapi juga dalam penyampaian isi. Strategi ini terbukti berkesan bagi membantu pelajar menulis karangan yang bermutu (Flower & Hayes, 1988; Chandrasegaran, 1991).

Dengan itu, pada peringkat pramenulis karangan, pelajar boleh didedahkan dan dilatih dengan strategi mengenal pasti dan memahami tujuan penulisan, strategi mengenal pasti dan mengenali pembaca yang ditujukan, dan strategi mencari dan mendapat isi karangan. Dalam pembentukan tujuan penulisan, bimbingan dan masa hendaklah diberi kepada pelajar untuk mempertimbangkan dan membentuk tujuan yang autentik bagi mewujudkan fokus dan perasaan keterlibatan serta keyakinan. Begitu juga dengan latihan yang berkait dengan jenis pembaca yang ditujukan dalam penulisan karangan. Memandangkan aspek pembaca adalah kompleks, latihan untuk menulis karangan kepada pelbagai jenis penulis, iaitu pembaca sebenar yang berada dalam lingkungan sekolah dan di luar sekolah dapat diberikan. Dengan cara ini, pelajar akan dapat melihat bagaimana persembahan isi disesuaikan dengan keperluan pelbagai tujuan dan jenis pembaca yang ditujukan. Hal ini penting kerana walaupun penulisan karangan di sekolah dijalankan untuk memenuhi keperluan latihan untuk persediaan peperiksaan, tidak bermakna latihan dari segi strategi mengenal pasti tujuan dan jenis pembaca tidak diperlukan. Ini adalah kerana di dalam situasi penulisan karangan untuk peperiksaan, aspek keperluan pemeriksa perlu diberi pertimbangan untuk mendapat sambutan yang baik (Chandrasegaran, 1991).

Mencari dan Mendapatkan Isi

Di samping itu, walaupun keperluan untuk mendapat isi berlaku pada bila-bila masa semasa menulis karangan, mengumpul isi atau maklumat sebelum menulis karangan dapat membekalkan penulis dengan kawalan terhadap isi karangan. Dalam hal ini, pelajar boleh dibantu dengan strategi untuk mendapatkan isi seperti membuat pemetaan isi dan menulis secara bebas. Di samping itu, 0penyediaan sumber bagi membolehkan pelajar membuat rujukan untuk mendapatkan isi adalah sangat penting. Bahan-bahan dalam bentuk audio (seperti rakaman dialog dan pita kaset tentang persembahan tertentu yang berkait dengan tajuk karangan), visual (seperti gambar, keratan akhbar, dan kertas edaran) serta pita video boleh disediakan oleh pelajar dan guru sebelum sesebuah pelajaran pramenulis karangan bagi sesebuah tajuk karangan dijalankan.

Format Bentuk Karangan

Selain itu, pada peringkat pramenulis karangan, penerangan dan perbincangan yang lebih terperinci tentang format bentuk karangan akan

dapat memberi panduan dan bantuan untuk pelajar membentuk fokus dalam perancangan isi karangan dan persembahan isi karangan. Hal ini adalah kerana dalam penulisan karangan, sesebuah penulisan tidak boleh lari daripada menulis sesebuah isi dalam bentuk karangan tertentu seperti bentuk surat kiriman atau syarahan. Oleh itu, dalam kegiatan pramenulis karangan di dalam kelas, pelajar hendaklah mengetahui dan faham tentang rangka bentuk karangan dan cirinya. Penggunaan model karangan siap dan gambar rajah dapat memberi gambaran visual tentang konsep organisasi dan ciri sesebuah bentuk karangan yang akan dituliskan.

KESIMPULAN

Keseluruhannya, perlakuan dan proses pramenulis karangan peserta kajian yang memberi banyak perhatian kepada penghasilan isi karangan dan tidak mempunyai strategi untuk menghasilkan, membentuk dan menyampaikan isi karangan, menunjukkan bahawa pendedahan dan latihan yang diberikan adalah tidak mencukupi bagi membantu pelajar menulis karangan di dalam kelas. Dalam pengajaran kemahiran menulis karangan, di samping isi karangan, pengajaran tentang aspek prosedural atau strategi menulis karangan yang cukup adalah sangat penting untuk menghasilkan penulis yang mahir. Strategi pengajaran seperti analisis tajuk karangan yang dapat membawa pelajar membentuk kerangka konsep dalam penulisan, akan memberi fokus dan hala tuju dalam penghasilan isi karangan. Pembekalan pengetahuan dan strategi menulis karangan juga akan dapat menjadikan pelajaran kemahiran menulis karangan lebih mencabar dan bermakna kepada pelajar. Ini bererti, fokus pengajaran kemahiran menulis karangan perlu beralih daripada hanya memberi perhatian kepada aspek luaran seperti isi dan tajuk karangan kepada aspek proses, iaitu strategi menulis karangan. Dengan itu, secara tidak langsung pelajar akan dapat ditunjukkan bahawa penulisan karangan melibatkan kedua-dua aspek, iaitu isi dan proses. Peralihan fokus pengajaran dan pembelajaran ini juga penting untuk melahirkan penulis yang mahir dalam penulisan karangan.

RUJUKAN

Ackerman, J. 1990. Translating context into action. Dalam *Reading-to-write: Exploring Cognitive and Social Process*. L. Flower, V. Stein, J. Ackerman, M.J. Kantz, K. Mc Cormick, & W.C. Peck (eds.) hlm. 173-193. Oxford, England: Oxford University Press.

Applebee, A.N. 1984. Writing and reasoning. *Review of Educational Research* **54**: 577-596.

Birnbaum, C.J. 1982. The reading and composing behavior of selected forth and seventh grade students. *Research in the Teaching of English* **16**: 241-260.

Bizzell, P. 1982. Cognition, convention, and certainty: What we need to know about writing. *Pre/text* **3**: 213-243.

Brandt, D. 1992. The cognitive as the social: An ethnomethodological approach to writing process research. *Written Communication* **9**: 315-355.

Britton, J., Burgess, T., Martin, N., McLeod, N. & Rosen, H. 1975. *The Development of Writing Abilities, p. 11-18.* London: McMilan & Co.

Carroll, J.A. 1984. Process into product: Teacher awareness of the writing process affects students' written product. Dalam *New direction in composition research.* R. Beach, & L.S. Bridwell (eds.) hlm. 315-333. New York: The Guilford Press.

Chandrasegaran, A. 1991. *Composing Process of College Student Writers.* Tesis Doktor Falsafah, University of Singapore.

Cooper, M. & M. Holzman. 1989. *Writing as Social Action.* Portsmouth: Boyton/Cook.

David, D., B. Gordon, R. Pollard, 1995. Seeking common ground. *College Composition and Communication.* **46**: 522-532.

Emig, J. 1971. *The Composing Process of Twelfth Graders.* Research report no. 12, Urbana, Illinois: NTCE.

Faigley, L. 1986. The non-academic writing: The social perspective. Dalam *Writing in Non Academic Settings.* (L. Odell & D, Goswami (eds.) hlm. 231-248. New York: Guilford.

Flower, L.S. & J.R. Hayes. 1980. The dynamic of composing: Making plans and juggling constraints. Dalam *Cognitive processes in writing* L.W. Gregg & E.R. Steinberg (eds.), hlm. 31-50. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.

Flower, L.S. & J.R. Hayes. 1981. The cognitive process theory of writing. *College Composition and Communication* **32:** 365-387.

FLOWER, L.S. & HAYES, J.R. 1988. The cognition of discovery: Defining a rhetorical problems. Dalam *The Writing Teacher's Sourcebook*, Gary Tate & E.P.J. Corbett (eds.) 2nd Ed., hlm. 92-102. New York: Oxford University Press.

HAIRSTON, M. 1982. *An Ethnographic Account of Composing Behaviors of Five Young Bilingual Children.* Tesis Doktor Falsafah, University of Florida.

HILYARD, A. 1992. Research on composing process. Dalam *Encyclopedia of Educational Research*, 6th ed., New York: Oxford University Press.

Lembaga Peperiksaan. 1985. *Laporan Prestasi SPM/ MCE.* Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Pelangi Indah.

Lembaga Peperiksaan. 1988. *Laporan Prestasi SPM/ MCE.* Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Pelangi Indah.

Lembaga Peperiksaan. 1992. *Laporan Prestasi SPM/ MCE.* Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

MILES, M.B. & A.M. HUBERMAN. 1984. *Qualitative Data Analysis.* California: Sage.

MISCHEL, T. 1974. A case study of a twelth grader writer. *Research in the Teaching of English* **8**: 303-314.

MAROHAINI YUSOFF. 1996. Perlakuan dan proses mengarang pelajar melayu dalam bilik darjah Tingkatan Empat – Satu kajian kes. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PERL, S. 1979. The composing process of unskilled college writers. *Research in the Teaching of English* **13**: 317-336.

PIANKO, S. 1979. A description of the composing processes of college freshman writers. *Research in the Teaching of English* **13**: 5-22.

RAFOTH, B. 1988. Discourse community: Where writers, readers, and texts come together. Dalam *The social construction of written communication* B. Rafoth & D. Rubin (eds.), hlm. 131-146. Norwood: Ablex.

ROHMAN, D.G. & A.O. WLECKE. 1964. Pre-writing: The construction and application models for concept formation in writing process. *College Composition and Communication* **16**: 106-112.

STALLARD, C. 1974. An analysis of the writing behaviors of good students writers. *Research in the Teaching of English* 8: 206-218.

TRIMBUR, J. 1994. Taking the social turn: Teaching writing product – process. *College Composition and Communication* **45**: 108-118.

ZAMEL, V. 1983. The composing process of advanced ESL students: Six case studies. *TESOL Quarterly* **17**: 165-187.

(Received: 27 May 1998)